



**YAYASAN**  
**TENAGA NASIONAL**

KENYATAAN PENGIKLANAN TAWARAN SEBUTHARGA TNB/YTN 16/5/1 BIL. 79/2023

TAUJUH

: 27 November 2023 (Isnin)

PERKHIDMATAN PENGIRING WANG TUNAI (CASH-IN-TRANSIT) UNTUK YAYASAN TENAGA NASIONAL (YTN) BAGI TAHUN 2024.

NO. TAWARAN	KETERANGAN	SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SYARIKAT	HARGA DOKUMEN	TARIKH TUTUP
TNB/YTN 16/5/1 BIL 79/2023	PELANTIKAN SEBAGAI PERKHIDMATAN PENGIRING WANG TUNAI (CASH-IN- TRANSIT) UNTUK YAYASAN TENAGA NASIONAL (YTN) BAGI TAHUN 2024.	1) Syarikat berstatus Bumiputra 2) Berdaftar dengan Kementerian Kewangan. (KK) 3) Berdaftar dengan TNB  Kod Bidang : 220801	<b>RM 0.00</b>  Dokumen boleh diperolehi di :-  YAYASAN TENAGA NASIONAL Universiti Tenaga Nasional Aras 1, Blok BB Jalan IKRAM - UNITEN 43000 Kajang, Selangor  Semua urusan adalah semasa waktu pejabat	Tarikh tutup permohonan :-  1 Disember 2023 (Jumaat); jam 12.00 tengahari.  Tempat serahan dokumen :-  Peti Tender Yayasan Tenaga Nasional Aras 1, Blok BB Universiti Tenaga Nasional Jalan IKRAM - UNITEN 43000 Kajang, Selangor

Arahan-arahan yang perlu dipatuhi adalah seperti berikut :-

- 1) Sila bawa sijil Status Bumiputra, Kementerian Kewangan dan sijil TNB yang asal semasa pengambilan dokumen tawaran sebutharga.
- 2) Sila sertakan salinan sijil-sijil yang dimiliki oleh syarikat yang masih sahluku semasa menghantarkan dokumen tawaran sebutharga.
- 3) Sila pastikan anda telah menulis nombor tawaran sebutharga pada sebelah atas kiri sampul surat serta alamat yang lengkap dan jelas.
- 4) Sebarang pindaan yang dibuat pada borang sebutharga dan tawaran hendaklah disokong dengan cop syarikat dan ditandatangan ringkas.
- 5) Penggunaan cecair putih dan sebagainya sebagai pemadam adalah tidak dibenarkan.
- 6) Tawaran sebutharga hanya dibuka kepada pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan TNB.
- 7) Kegagalan mematuhi syarat-syarat tersebut akan menyebabkan dokumen tawaran sebutharga terbatas dengan sendirinya.

**(MOHAMAD NOR AZALI BIN LAJIN)**  
**Pengarah**  
**Yayasan Tenaga Nasional** ♂



**SEBUTHARGA NO:  
TNB/YTN 16/5/1 BIL. 79/2023**

**PERKHIDMATAN PENGIRING WANG TUNAI (*CASH-IN-TRANSIT*) UNTUK YAYASAN TENAGA NASIONAL  
(YTN) BAGI TAHUN 2024**

**TARIKH TUTUP :            1 DISEMBER 2023  
MASA                :        12.00 TENGAHARI**

**Yayasan Tenaga Nasional**

Aras 1, Blok BB, Universiti Tenaga Nasional, Jalan IKRAM-UNITEN, 43000 Kajang, Darul Ehsan  
Tel: 03 – 8924 7500 Faksimili: 03 – 8924 7501

**SEBUTHARGA NO : TNB/YTN 16/5/1 BIL. 79/2023**

**(A) – SYARAT DAN TERMA SEBUTHARGA**

**1.0 PELAWAAN**

- 1.1 Yayasan Tenaga Nasional mempelawa sebutharga bagi :-

**PERKHIDMATAN PENGIRING WANG TUNAI (CASH-IN-TRANSIT) UNTUK YAYASAN TENAGA NASIONAL (YTN) BAGI TAHUN 2024.**

- 1.2 Pelawaan ini terbuka kepada syarikat **BUMIPUTERA** yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan bagi kategori kod bidang **220801** dan juga dengan Tenaga Nasional Berhad.
- 1.3 Pelawaan sebutharga ini adalah terikat dengan Syarat Dan Terma Sebutharga yang dilampirkan.
- 1.4 Tawaran ini akan dianugerahkan kepada petender yang berjaya untuk tempoh selama 1 tahun (12 bulan) dimana penyambungan perkhidmatan adalah tertakluk kepada prestasi perkhidmatan serta komitmen petender didalam urusan ini, iaitu akan mempertimbangkan untuk penyambungan bagi tempoh kontrak selama 1 tahun (12 bulan) sekiranya diperlukan berdasarkan syarat yang dipersetujui bersama.

**2.0 SYARAT-SYARAT PERKHIDMATAN**

- 2.1 Bagi melaksanakan tugas ini petender yang berkelayakan adalah diminta untuk menyediakan pegawai/pengawal secukupnya dengan dilengkapi kenderaan kalis peluru juga dibekalkan persenjataan yang sempurna. Pegawai /pengawal mestilah terdiri dari warganegara Malaysia berumur diantara 20 tahun dan tidak melebihi 55 tahun, bebas dari sebarang rekod dadah dan kesalahan jenayah serta mempunyai tubuh badan yang sihat dan penglihatan yang baik.
- 2.2 Petender hendaklah senantiasa mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan berhubung dengan keselamatan dan bertanggungjawab terhadap setiap pelanggaran peraturan yang menyalahi prosedur YTN serta amalan perundangan di Malaysia.
- 2.3 Urusan serahan wang tunai, cek, wang pos dan kiriman wang hanyalah diantara anggota kerja YTN/pegawai YTN yang diwakilkan sahaja. Petender hendaklah memastikan jumlah wang yang diterima cukup/betul serta memasukkan jumlah berkenaan ke dalam peti/karung yang kemudiannya dikuncikan. Jumlah wang/cek yang diterima perlu disahkan serta diperakui penerimaannya dengan menandatangani serta dicopkan menggunakan cop rasmi syarikat pada resit rasmi dan menyerahkan kepada pegawai/anggota kerja/wakil YTN yang bertugas. Kutipan yang diambil daripada YTN hendaklah di depositkan ke akaun kutipan YTN pada hari yang sama
- 2.4 Petender mesti menggunakan kenderaan rasmi syarikat semasa membuat urusan kutipan dari YTN dan didepositkan ke Malayan Banking Berhad, Cawangan Bandar Baru Bangi serta dikehendaki melengkapkan anggota kawalan keselamatan dengan uniform serta dilengkapi dengan pakaian jaket dan topi keselamatan kalis peluru yang diluluskan. Senjatapi yang digunakan perlu bersetujuan dengan tugas kawalan dimana ianya perlu disahkan oleh PDRM serta telah dikeluarkan lesen

khas bagi senjatapi yang digunapakai. Karung wang yang digunakan mestilah bercirikan keselamatan sewaktu urusan operasi pemindahan wang dilakukan.

- 2.5 Petender dikehendaki menjalankan kerja dengan amanah dan berhati-hati bagi mengelakkan kemalangan serta kerosakan atau kehilangan harta benda YTN. Kerosakan/kehilangan wang tunai, cek , wang pos dan kiriman adalah tanggungjawab syarikat kawalan untuk menggantikan semula berdasarkan nilai matabenda tersebut kepada YTN. Kemalangan atau kehilangan yang berlaku hendaklah dimaklumkan kepada Pengarah Yayasan Tenaga Nasional atau wakilnya serta mengemukakan laporan sewajarnya seterusnya membuat laporan ke pihak yang berwajib.
- 2.6 YTN tidak menjamin untuk menerima tawaran terendah atau sebaliknya. YTN juga tidak terikat untuk menganugerah mana-mana tawaran terhad kepada hanya seorang petender sahaja. Pemberian sebutharga ini adalah hak YTN dan YTN di dalam menjaga kepentingannya berhak menarik balik atau memansuhkan kontrak ini jika didapati :-
  - Perkhidmatan ini dianugerahkan kepada syarikat lain oleh petender;
  - Tidak mematuhi spesifikasi kerja serta tidak berupaya mematuhi skop kerja yang ditetapkan;
  - Tidak mencapai / mengabaikan mutu kerja yang dikehendaki;
  - Pengabaian dalam menjalankan tugas pada waktu kerja;
  - Tidak membekalkan peralatan keselamatan/peralatan kerja atau keperluan yang mencukupi untuk pekerja menjalankan kerja dengan sempurna serta menyebabkan kerja tertangguh; serta
  - Mengabaikan aspek keselamatan pekerja syarikat petender
- 2.7 Petender hendaklah mampu membekalkan perkhidmatan pengiring wang tunai (CIT) tambahan kepada YTN dalam kadar segera apabila diperlukan.
- 2.8 Petender dikehendaki mempunyai insuran yang secukupnya bagi perlindungan pekerja, orang awam anggota kerja YTN dan harta benda YTN.

### **3.0 PENGISIAN TAWARAN/BORANG SEBUTHARGA**

- 3.1 Petender-petender dikehendaki mengisi dengan lengkap dan kemas kesemua borang-borang yang disediakan. Kegagalan mengisi borang tersebut dengan lengkap akan **mengakibatkan tawaran tidak akan dipertimbangkan**.
- 3.2 Sekiranya terdapat kesilapan pengiraan pada tawaran dengan **julat perbezaan tawaran harga adalah diluar +/-0.5%**, maka tawaran tersebut akan **ditolak**.
- 3.3 Petender dikehendaki menawarkan harga bagi barang/perkhidmatan seperti keperluan sebutharga sahaja. Tawaran tambahan (optional) tidak akan diterima.
- 3.4 Setiap ruangan yang diisi hendaklah **ditandatangan dan lengkap dengan cop syarikat petender**.
- 3.5 Jika ruangan yang disediakan tidak mencukupi, petender dibenarkan memberi maklumat-maklumat itu di dalam lampiran berasingan dengan syarat semua lampiran tambahan **ditandatangani dan lengkap dengan cop syarikat petender**.

- 3.6 Untuk memastikan kebenaran setiap makluman, semua pindaan atau pembatalan di dalam borang-borang sebutharga hendaklah disahkan melalui tandatangan dan bertarikh oleh petender.

#### 4.0 SERAHAN DOKUMEN SEBUTHARGA

- 4.1 Serahan sebutharga hendaklah dibuat secara memasukkan terus ke dalam **PETI TENDER Yayasan Tenaga Nasional** yang disediakan di Aras 1, Blok BB, Universiti Tenaga Nasional, Jalan IKRAM-UNITEN, 43000 Kajang, Selangor.
- 4.2 Sebutharga-sebutharga yang **diserahkan lewat** daripada waktu dan tarikh yang ditetapkan **tidak akan dipertimbangkan**.
- 4.3 Kegagalan petender untuk mematuhi syarat-yarat yang dinyatakan akan dengan sendirinya di batalkan penyertaannya oleh YTN.

#### 5.0. TARIKH TUTUP SEBUTHARGA DAN TEMPOH SAHLAKU SEBUTHARGA

- 5.1 Tarikh tutup bagi penerimaan sebutharga ialah pada **1 Disember 2023 jam 12.00 tengahari**.
- 5.2 Tempoh sahlaku sebutharga ialah **3 bulan** dari tarikh tutup sebutharga.

#### 6.0 SYARAT-SYARAT MANDATORI

- 6.1 Petender adalah dikehendaki memenuhi syarat-syarat mandatori berikut.
- i) Berdaftar dengan Tenaga Nasional Berhad
  - ii) Berdaftar dengan Kementerian Kewangan di bawah kategori kod bidang **220801**
  - iii) Pengiktirafan status Bumiputera
  - iv) Mempunyai lesen yang sah yang dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri bagi menjalankan perniagaan dan perkhidmatan kawalan keselamatan di bawah Akta Ejensi Persendirian 1971 termasuk kelulusan mengadakan cawangan dan menjalankan operasi perniagaan di Selangor.
  - v) Telah mendaftar dan menjadi ahli Persatuan Industri Keselamatan Malaysia (PIKM)
  - vi) Tiada kes litigasi dengan TNB
  - vii) Tidak disenarai hitam oleh TNB
  - viii) Mematuhi sepenuhnya spesifikasi kerja yang ditetapkan

#### 7.0 SYARAT-SYARAT AM

- 7.1 Adalah menjadi hak YTN untuk tidak menjelaskan sebarang sebab sekiranya berlaku penolakan sebutharga yang dimajukan petender.
- 7.2 YTN tidak dianggap telah memilih atau memutuskan sebarang sebutharga yang dikemukakan oleh petender sehingga surat anugerah tender (**Letter of Award**) dimajukan dan diterima oleh petender.

7.3 Petender mestilah memajukan butir-butir lengkap perkara-perkara berikut kepada YTN :-

7.3.1 Maklumat anggota kerja petender yang menjalankan operasi bagi perkhidmatan pengiring wang tunai (CIT)

- i. Nama
- ii. Alamat
- iii. No. Kad Pengenalan
- iv. Kerakyatan
- v. Umur
- vi. Jantina
- vii. Gambar Ukuran Pasport
- viii. Contoh tandatangan

7.3.2 Memajukan maklumat syarikat seperti di Lampiran C.

7.4 Petender yang berjaya juga adalah terikat dengan syarat-syarat pesanan yang tercatit dalam Pesanan Tempatan (PO) yang juga merupakan intipati syarat kontrak perkhidmatan/pembekalan sekiranya syarat-syarat yang dibentangkan ini tidak meliputi bahagian-bahagian tertentu yang membolehkan proses-proses kerja atau pembayaran dapat dilaksanakan dengan teratur.

## 8.0 HARGA TAWARAN

8.1 Petender dikehendaki menawarkan harga dalam matawang Ringgit Malaysia sahaja. Harga tawaran adalah 'net price' termasuk, caj penghantaran, insuran dan lain-lain kos yang berkaitan.

8.2 YTN berhak menyetujuterima sebahagian ataupun kesemua sebutharga yang ditawarkan.

8.3 YTN tidak terikat untuk menyetujuterima sebutharga yang paling rendah atau mana-mana sebutharga.

8.4 Keputusan setujuterima sebutharga adalah muktamad. Sebarang surat-menjurat mengenai keputusan setujuterima sebutharga tidak akan dilayan.

## 9.0 PERTANYAAN

9.1 Sekiranya petender memerlukan penjelasan lanjut mengenai sebutharga ini, sila hubungi:-

Contact Person:	1. Zahian Najihah Mat Jusoh 2. Norazian Haron
Office Address:	Yayasan Tenaga Nasional Aras 1, Blok BB, Universiti Tenaga Nasional Jalan IKRAM-UNITEN, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan.
E-mail:	1. <u>ZahianMJ@tnb.com.my</u> 2. <u>norazianh@tnb.com.my</u>

---

**SEBUTHARGA NO : TNB/YTN 16/5/1 BIL. 79/2023**

**PERAKUAN VENDOR/KONTRAKTOR:**

Saya/Kami dengan ini memahami dan bersetuju dengan semua syarat-syarat bagi sebutharga  
**TNB/YTN 16/5/1 BIL. 79/2023**

NAMA : .....

TANDATANGAN : .....

JAWATAN : .....

TARIKH : .....

COP SYARIKAT : .....

**B) – TAWARAN SEBUTHARGA**

BIL	KETERANGAN	KOS PER/RUN (RM)	ANGGARAN BILANGAN RUN/TAHUN	JUMLAH KESELURUHAN (RM)
1	<p>Mengiring wang tunai, cek, wang pos dan kiriman wang bagi urusan penghantaran kutipan harian dan mendepositkannya pada hari yang sama ke dalam akaun kutipan Yayasan Tenaga Nasional (YTN) di Malayan Banking Berhad (Maybank) Cawangan Bandar Baru Bangi, Selangor</p> <p>Lokasi: YTN ke Maybank Cawangan Bandar Baru Bangi</p> <p>Hari/Waktu: 1 run setiap minggu</p> <p>Waktu: 10.00 pagi – 4.00 petang</p>			48
<i>Nota* Pegawai/pengawal bertugas dikehendaki hadir 15 minit awal dari waktu yang ditetapkan di atas.</i>				
JUMLAH KESELURUHAN (tanpa SST)				
Cukai SST 6%				
JUMLAH KESELURUHAN (termasuk SST)				

Tandatangan Pengurus: .....

Nama : .....

No. Kad Pengenalan: .....

( cop syarikat )

Tandatangan Saksi: .....

Nama : .....

No. Kad Pengenalan: .....

*Nota: Sila sertakan bersama-sama lampiran sebutharga ini sijil-sijil kelayakan berkaitan perkhidmatan yang akan dijalankan.*

### **C) – MAKLUMAT SYARIKAT KAWALAN KESELAMATAN**

#### **1.0 Maklumat asas**

- a. Nama penuh syarikat : .....
- b. No. Vendor : .....
- c. Alamat perniagaan : .....
- .....
- d. Alamat surat menyurat: .....
- .....
- e. Nombor telefon : .....
- f. Nombor Fax : .....
- g. Tarikh pendaftaran syarikat : .....
- h. Nombor fail pendaftaran  
(Pendaftar syarikat) : .....
- i. Tarikh pemulaan Perniagaan : .....

#### **2.0 Pemegang Saham:**

Peratusan yang dipegang oleh rakyat Malaysia :

Bumiputra : .....( % )

Bukan bumiputra : .....( % )

Pemilik syarikat :

Nama Pegangan Saham. (Equity Holding)

1) (.....) (.....)

2) (.....) (.....)

3) (.....) (.....)

4) (.....) (.....)

5) (.....) (.....)

#### **3.0 a. Senarai syarikat Induk (Holding) anak syarikat (Subsidiary) syarikat bersekutu (Associate Companies).**

(.....)

(.....)

- b. Maklumat-maklumat mengenai anggota kerja:-
- i. Jumlah anggota kerja dalam syarikat : .....
  - ii. Jumlah anggota kerja syarikat yang terdiri daripada bekas polis dan tentera .....
  - iii. Jumlah anggota kerja yang terlibat dalam khidmat C.I.T distesen TNB sediaada (sekiranya ada) .....
- c. Jumlah kenderaan kalis peluru : ..... buah.

Nombor Pendaftaran kenderaan kalis peluru.

( ..... )  
( ..... )  
( ..... )

- d. Salinan penyata-penyata kewangan tahunan terbaru dan bagi dua (2) tahun kebelakangan yang telah diaudit. @ Sila sertakan penyata untung rugi dan kunci kira-kira yang telah diaudit.
- e. Salinan lesen perniagaan yang masih diperakukan (Valid Licence).
- f. Salinan sijil pendaftaran syarikat dengan Kementerian Kewangan.
- i. Salinan lesen senjatapi.
- j. Senarai pelanggan-pelangan petender sedia ada.

**Senarai dokumen yang perlu dilampirkan bersama tawaran sebutharga.**

BIL	PERKARA	SILA TANDAKAN ( / )	CATITAN
1.	A - Syarat Dan Terma Sebutharga		
2.	B - Tawaran Sebutharga		
3.	C – Maklumat syarikat – Lampiran C		
4.	Salinan Sijil Pendaftaran dengan TNB		
4.	Salinan Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan		
6.	Salinan Sijil Pengiktirafan Status Bumiputera		

- **KEGAGALAN UNTUK MENGEMUKAKAN DOKUMEN DI ATAS AKAN MENGAKIBATKAN TAWARAN DITOLAK.**